

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PENTAKSIRAN AKHIR
SESI I: 2025/2026**

SIJIL MULTIMEDIA KREATIF PENGIKLANAN

**SMP 20083
TIPOGRAFI PENGIKLANAN**

Dua (2) jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **SATU (1)** soalan.
2. Jawab semua soalan.

Kertas soalan ini mengandungi **EMPAT (4)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

AMALI
[100 markah]

Arahan :

Calon dikehendaki melaksanakan aktiviti seperti di bawah dengan baik sebagai bukti keterampilan :

Soalan 1

Bunting kebiasaannya digunakan untuk mengiklankan sesuatu produk, perkhidmatan atau atur cara yang berlaku di sekitar kawasan perniagaan. Ia juga digunakan dalam pengiklanan kerana ia merupakan alat yang berkesan untuk menarik perhatian pelanggan sasaran. Tipografi memainkan peranan penting dalam menyampaikan mesej iklan dengan jelas dan berkesan. Penggunaan saiz, gaya, dan warna huruf yang sesuai boleh membantu dalam menonjolkan perkataan kunci dan memudahkan pembacaan yang terdapat di dalam rekaan *bunting*.

CLO 3

CENDOL PAK DIN merupakan satu produk makanan yang terkenal di Kulim, Kedah yang menyediakan perkhidmatan menjual minuman dan juga pelbagai menu pencuci mulut yang berasaskan cendol dan ais berperisa . Antara menu-menu yang terkenal yang disediakan oleh perniagaan ini ialah seperti Cendol Durian *Special*, Cendol Ais Kacang, Cendol Mangga Harumanis, Cendol Coklat Dino dan banyak lagi. Sebagai pereka grafik syarikat tersebut anda telah ditugaskan untuk menghasilkan cadangan reka bentuk *bunting* menggunakan tipografi kreatif supaya dapat menarik perhatian audiens/ pelanggan di luar sana. Maklumat mengenai *bunting* tersebut adalah seperti berikut:

1. Nama Syarikat: **CENDOL PAK DIN (sempoi)**
2. Ringkasan:
Heading, tagline (sekali cuba mau lagi), call to action & body text,

Cadangan reka bentuk muka *billboard* tersebut hendaklah dihasilkan mengikut kriteria berikut :

1. Saiz artboard/kertas : A3 Potret (*Mock up size*)
2. Saiz *bunting* (*Actual*) : 5x2 kaki
3. Gunakan Perisian Grafik
4. Mengikut warna yang ditetapkan
5. Elemen visual yang bersesuaian dengan reka bentuk *bunting* perlu dimasukkan sebagai elemen sokongan.

Hasil rekabentuk hendaklah dihantar dalam bentuk *hardcopy*. Kriteria yang perlu dipenuhi bagi penilaian ini ialah :

- a. Konsep rekabentuk grafik (P2)
 - i. Kenal pasti kajian terhadap konsep reka bentuk grafik dengan menggunakan elemen tipografi mengikut kategori pengiklanan.
(10 markah)
- b. Reka letak tipografi kreatif dalam reka bentuk iklan (P3)
 - i. Tunjukkan lima (5) *thumbnail* yang mengandungi kedudukan *font* yang terlibat dalam reka bentuk yang dihasilkan.
(10 markah)
 - ii. Tunjukkan lakaran semi komprehensif yang merupakan cetusan idea dari *thumbnail* dalam saiz/skala yang sebenar.
(10 markah)
 - iii. Tunjukkan lakaran komprehensif dalam saiz/skala yang sebenar dan menggambarkan mukataip yang telah dikenalpasti bagi setiap reka letak dengan menggunakan elemen-elemen yang sama seperti yang akan dipaparkan pada hasil akhir.
(10 markah)
 - iv. Hasilkan semula reka bentuk grafik dengan komposisi tipografi yang memenuhi prinsip reka bentuk simplisiti, dominan, pola, keseimbangan dan harmoni mengikut konsep/tema reka bentuk.

(15 markah)

c. Reka bentuk tipografi dalam reka bentuk iklan (P3)

- i. Tunjukkan pemilihan warna tipografi yang memberi penegasan dan tumpuan, visual yang jelas dan kontras yang baik antara latar dengan visual serta memenuhi konsep reka bentuk.

(15 markah)

- ii. Hasilkan reka bentuk tipografi kreatif dengan mengaplikasikan elemen reka bentuk yang memenuhi konsep yang telah ditetapkan.

(15 markah)

d. Hasil akhir (P3)

- i. Tunjukkan reka bentuk iklan yang dapat menyampaikan komunikasi visual yang bertepatan konsep/tema.

(10 markah)

- ii. Tunjukkan hasil akhir pada medium yang telah ditetapkan dengan kemas.

(5 markah)

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab